

Nama:

Tarikh:

TEMA 7: KELESTARIAN ALAM

UNIT 21: TEKNOLOGI HIJAU

SP: 3.2.1 Menulis ayat untuk menyatakan pendapat.

BAHASA MELAYU TAHUN 5

Tajuk: Lampu Jalan Diod Pancaran Cahaya

Arahan: Baca dan rujuk buku teks halaman 160. Pilih dan seret maklumat yang betul berdasarkan teks di bawah bagi melengkapkan peta pelbagai alir.



Afifi melayari Internet. Dia terbaca tentang usaha Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menggunakan teknologi hijau bagi kemudahan masyarakat.

 LATAR BELAKANG • MENGENAI KAMI • INFO • PERKHIDMATAN • HUBUNGI KAMI

HULU LANGAT, 25 Julai – Sebanyak 10 000 unit lampu jalan jenis diod pancaran cahaya atau *light-emitting diode* (LED) akan dipasang di seluruh Semenanjung Malaysia secara berperingkat. Lampu jalan LED ini dipilih kerana mampu **menjimatkan penggunaan tenaga elektrik** sebanyak 40 peratus.

Penggunaan lampu LED juga dapat mengurangkan kos penyenggaraan lampu jalan. Lampu LED yang akan dipasang ini lebih terang daripada lampu jalan biasa. Situasi ini akan memudahkan penduduk kampung menggunakan jalan raya ketika gelap.


Pihak TNB juga menyatakan bahawa mereka tetap akan menyokong penggunaan teknologi hijau demi kelestarian alam. Selain itu, mereka juga menjalankan kerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk memenuhi permintaan daripada penduduk kampung yang memerlukan pemasangan lampu jalan LED.

lebih terang daripada lampu jalan biasa

menjamin kelestarian alam

menjimatkan perbelanjaan

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada BH Online, 3 November 2019)



LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS